

'Cari kaedah elak stesen minyak rugi'

B.4 25/10/03 MIS 13

KUALA LUMPUR: Kerajaan diminta mengenal pasti mekanisme dan cara terbaik bagi mengelakkan pengusaha stesen minyak mengalami kerugian jika harga petrol dan diesel diturunkan dalam masa terdekat ini.

Presiden Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Esso, Alang Zari Ishak, berkata pihaknya tidak menghalang hasrat kerajaan meneliti kewajaran menurunkan harga runcit bahan api kepada harga asal tapi mesti mengambil kira pelbagai faktor kerana sudah tiga kali pengusaha mengalami kerugian sejak harga minyak diturunkan sejak Ogos lalu.

"Pengusaha stesen minyak menyimpan stok sekurang-kurangnya untuk dua hari. Jika harga minyak diturunkan dalam masa terdekat maka pengusaha terpaksa menjual stok yang ada pada harga baru.

"Hal ini akan merugikan pengusaha kerana membatikan jumlah yang mencecah puluhan ribu ringgit dan gagal untuk mendapat kembali modal belian mereka," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, Datuk Shahrir Samad, bahawa kerajaan akan mengkaji semula harga petrol dan diesel kepada harga asal jika harga minyak global terus menurun.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata kera-



“*Jika harga minyak diturunkan dalam masa terdekat maka pengusaha terpaksa menjual stok yang ada pada harga baru”*

Alang Zari Ishak

Presiden Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Esso

jaan perlu menilai kesan jangka pendek dan jangka panjang dalam aspek penurunan harga minyak terutama dalam mempertingkatkan sistem pengangkutan awam.

"Kita selalu lihat, apabila kerajaan menaikkan harga minyak maka rakyat akan menggunakan pengangkutan awam sebagai alternatif jadi kerajaan harus memikirkan sesuatu untuk hal ini kerana rakyat pasti akan berpaling semula jika harga minyak naik pada masa akan datang.

"Sekiranya kerajaan mampu menurunkan harga minyak kepada asal dan menarik balik subsidi maka duit subsidi itu harus digunakan bagi meningkatkan kualiti sistem pengangkutan awam kita ke arah yang lebih sistematik dan efektif," katanya.